

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.03.2018

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah rancangan untuk memulangkan 50% ataupun apa jenis projek daripada jumlah kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada setiap negeri. Bagi Pulau Pinang, sebanyak RM5,561 juta telah dikutip daripada rakyat negeri ini sejak 1 April 2015, perincian projek-projek atau program-program yang telah dilaksanakan sebagai manfaat rakyat negeri ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara sumber utama hasil Kerajaan Persekutuan adalah kutipan cukai langsung dan cukai tak langsung. GST merupakan salah satu cukai tak langsung yang menggantikan cukai jualan dan

perkhidmatan yang merupakan akan penyumbang kepada hasil Kerajaan. Hasil ini yang diakaunkan dalam Kumpulan Wang Disatukan digunakan bagi membiayai belanja mengurus dan pembangunan Kerajaan seperti yang dibentangkan dalam Bajet setiap tahun di Dewan yang mulia ini. Untuk rekod, kutipan GST kasar di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015 dan 2016 adalah berjumlah RM5,836 juta.

Bajet yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan tersebut termasuklah bagi membiayai kos mengurus agensi Persekutuan di peringkat negeri seperti hospital, klinik, polis, sekolah, pengangkutan awam serta bantuan-bantuan ihsan seperti mangsa banjir dan OKU. Manakala sebahagian lagi digunakan untuk membiayai projek pembangunan di seluruh negara.

Sebagai perbandingan di Negeri Pulau Pinang, pada tahun 2015, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM5.6 bilion antara lain termasuklah RM235.82 juta dalam bentuk pemberian kepada Kerajaan Negeri, RM4.77 bilion untuk kos mengurus agensi Persekutuan di negeri Pulau Pinang dan perbelanjaan projek pembangunan berjumlah RM658.87 juta.

Sebagai kesimpulannya, Kerajaan Persekutuan tidak berhasrat untuk memulangkan 50% kutipan GST kepada negeri seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat Bagan. Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan melalui Bajet tahunan akan terus menyediakan keperluan mengurus dan pembangunan di seluruh negara yang mana agihannya akan

berdasarkan keutamaan semasa Kerajaan dan kedudukan taraf sosial ekonomi negeri-negeri.